

Abu 'Isa berkata: "Dalam bab ini ada juga riwayat daripada Abdillāh bin Zaid, Ali bin Thalq, 'Aaishah, Ibnu 'Abbās, Ibnu Mas'ud dan Abi Sa'id."⁶⁷³

Abu 'Isa berkata lagi: "Ini adalah hadits hasan shahih."⁶⁷⁴ Pendapat para 'ulama' ialah seseorang tidak perlu (wajib) berwudhu' sehingga ia berhadats, di mana ia mendengar bunyi atau mendapat bau (kentutnya).

Abdullah bin al-Mubarak berkata: "Jika seseorang syak sama ada ia berhadats atau tidak,"⁶⁷⁵ maka tidak perlulah ia berwudhu' selagi tidak benar-benar yakin, sehingga ia berani bersumpah dengannya."⁶⁷⁶ Beliau berkata lagi, "Jika keluar angin dari kamaluan perempuan, maka ia wajib berwudhu'."⁶⁷⁷ Inilah juga pendapat Syafi'e dan Ishaq.⁶⁷⁸

(3) Tidak harus ada perasaan malu dalam mengajarkan sesuatu hukum. Nabi s.a.w. mengajarkan segala perkara kepada para sahabatnya, termasuk berkenaan dengan kentut, adakah ia membatalkan wudhu' atau pun tidak.

(4) Keabsahan qamāh atau bukti dalam menentukan hukum-hakam agama.

(5) Tidak wajib mengambil air sembahyang untuk setiap kali bershalat atau melakukan ibadat-ibadat lain yang disyaratkan suci (berwudhu') ketika melakukannya.

⁶⁷³ Hadits 'Abdullah bin Zaid dikemukakan oleh Bukhari dan Muslim. Hadits 'Ali bin Thalq dikemukakan oleh Abu Daud dan Tirmidzi. Hadits 'Aaishah dikemukakan oleh Ahmad, al-Bazaar, dan at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Kabir. Hadits Ibnu 'Abbaas dikemukakan oleh al-Bazaar dan al-Baihaqi. Hadits Abu Sa'id pula dikemukakan oleh Abu Ya'la.

⁶⁷⁴ Selain Tirmidzi, Muslim, Abu Daud, Ibnu Majah, Ahmad, Abu 'Awānah di dalam Musnadnya, Abu Nu'aim di dalam Mustakhrajnya dan al-Baihaqi di dalam Sunannya juga turut meriwayatkan hadits ke-75 ini.

⁶⁷⁵ selepas yakin telah bersuci.

⁶⁷⁶ Iaitu berani dan sanggup bersumpah bahawa wudhu'nya memang telah terbatal kerana betul-betul telah berkentut atau terkentut.

⁶⁷⁷ Kerana telah keluar sesuatu yang membatalkan wudhu' dari salah satu saluran najis, iaitu qubul atau farajnya.

⁶⁷⁸ Berbeza daripada pendapat golongan Hanafiyyah. Mereka mengatakan keluar angin daripada qubul tidak membatalkan wudhu'. Alasannya menurut Mulla 'Ali al-Qāri ialah keadaan itu jarang berlaku. Maka ia tidak termasuk dalam kehendak nas hadits. Alasan yang diberikan oleh Ibnu al-Humām lebih tepat lagi. Bagi beliau, angin yang keluar daripada zakar tidak lebih daripada pergerakan urat saraf padanya, ia

٧٦ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ أَخْبَرَنَا مَعْمَرٌ عَنْ هَمَّامِ بْنِ مُنَبِّهٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبَلُ صَلَاةَ أَحَدِكُمْ إِذَا أَخَذَتْ حَتَّى يَتَوَضَّأَ.

قال أبو عيسى هذا حديث حسن صحيح.

bukan angin sebenar. Kerana itu tidaklah akan terbatal wudhu' dengan sebabnya. Keadaannya sama seperti angin yang keluar daripada perut apabila dibedah. Sesetengah 'ulama' Hanafiyyah di dalam Syarahnya bagi Syarah Wiqāyah berkata, "Tokoh-tokoh 'ulama' dalam madzhab kita sependapat tentang angin yang keluar daripada dubur membatalkan wudhu'. Mereka berbeza pendapat tentang angin yang keluar daripada zakar dan qubul (faraj) wanita. Al-Qudūri meriwayatkan daripada Muhammad bahawa ia membatalkan wudhu'. Inilah pegangan sebahagian masyaikh. Abul Ḥasan berpendapat angin yang keluar daripada kedua-duanya tidak membatalkan wudhu', kecuali kalau wanita mufdhāt iaitu wanita yang bertemu kedua-dua saluran najisnya, qubul dan dubur. Sesetengah 'ulama' berpendapat, wanita mufdhāt itu ialah wanita yang saluran kecing dan haidhnya bertemu (terkoyak), maka eloklah ia berwudhu' jika keluar angin daripadanya. Syeikh Abu Ḥafsh al-Kabīr pula berpendapat, wanita mufdhāt wajib berwudhu' (untuk bershalat dan sebagainya), jika keluar angin daripada qubulnya (kerana wudhu'nya terbatal dengan sebab keluar angin itu). Wanita tidak mufdhāt pula tidak wajib. Demikianlah disebut oleh Hisyām di dalam Nawādirnya daripada Muḥammad. Sesetengah masyaikh pula berpendapat bahawa jika angin yang keluar daripada qubul mufdhāt itu berbau busuk, maka ia membatalkan wudhu'. Jika tidak, maka tidak. Demikianlah tersebut di dalam adz-Dzakhīrah.

Daripada keterangan itu dapatlah engkau faham bahawa para 'ulama' terbahagi kepada dua kumpulan berhubung dengan angin yang keluar daripada zakar dan qubul wanita:

Pertamanya ialah ia membatalkan wudhu'. Dalilnya ialah makna umum yang difahami daripada hadits bahawa hadits itu ialah apa yang keluar melalui salah satu daripada dua saluran najis (qubul dan dubur). Ini kerana yang dikira ialah umum lafaz hadits, bukan sebabnya yang khusus. Itulah yang dipegang oleh asy-Syafi'e. Demikian tersebut di dalam al-Bināyah.

Keduanya pula ialah ia tidak membatalkan wudhu'. Inilah pendapat pengarang al-Hidāyah. Alasan beliau ialah angin itu tidak datang dari tempat najis. pendapat ini berlandaskan angin itu sendiri bukan najis. Ia baru menjadi najis apabila melalui tempat najis. Alasan yang dikemukakan oleh orang lain pula ialah apa yang berlaku sebenarnya hanyalah pergerakan saraf atau otot pada qubul dan zakar, bukan angin yang keluar. Tidak ada apa pun sebenarnya yang keluar. Kalau diandaikan angin sekalipun yang keluar, tetap juga ia tidak najis. (Lihat Tahfātul Ahwādī j.1 m/s 251-252).

76 - Mahmud bin Ghailan meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdur Razzāq meriwayatkan kepada kami, katanya: Ma'mar meriwayatkan kepada kami daripada Hammām bin Munabbih daripada Abi Hurairah daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak menerima shalat⁶⁷⁹ seseorang daripada kamu⁶⁸⁰ jika berhadats sehingga ia berwudhu'."⁶⁸¹

Abu 'Isa berkata: "Ini adalah hadits hasan shahih."

⁶⁷⁹ Maksud "Allah tidak menerima shalat" ialah tidak mengira ia sah dan melepaskan tanggungjawabnya terhadap Allah.

⁶⁸⁰ Seseorang daripada kamu yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini ialah para sahabat dan juga umat Baginda, termasuk lelaki dan perempuan.

⁶⁸¹ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang dapat difaham daripada hadits ini ialah:

- (1) Wudhu' tidak wajib untuk setiap kali hendak bersembahyang. Sebabnya ialah Nabi s.a.w. telah menafikan penerimaan sembahyang orang yang berhadats sehingga ia berwudhu'. Apabila ia berwudhu', maka diterimalah sembahyangnya selagi ia tidak berhadats kembali.
- (2) Sembahyang yang dikerjakan dalam keadaan berhadats tidak sah, sama ada seseorang itu berhadats dengan sengaja atau dengan tidak sengaja. Ini kerana hadits tidak membezakan di antara hadats yang berlaku dengan sengaja atau tidak sengaja.
- (3) Semua sembahyang tidak kira fardhu mahupun sunat memerlukan kepada keadaan suci daripada hadats.
- (4) Hadats (kecil) adalah sesuatu yang membatalkan wudhu', termasuklah di dalamnya kentut, sama ada berbunyi atau pun tidak.
- (5) Hadats terbahagi dua. Hadats kecil dan hadats besar. Hadats kecil terangkat dengan berwudhu'. Hadats besar pula ialah suatu keadaan yang menghendaki seseorang mandi untuk mengangkat atau menghilangkannya. Seperti keadaan berjunub, suci dari haidh dan lain-lain. Seseorang tidak boleh bersembahyang dan lain-lain sebelum mengangkat dua hadats tersebut. Dalam keadaan tiada air pula, tayammum mengambil tempat (menjadi pengganti) kedua-duanya.
- (6) Zahir hadits ke-76 ini berbicara tentang hadats kecil. Tetapi ma'na tersiratnya tetap merangkumi hadats besar juga.
- (7) Zahir hadits ini menolak perbuatan menyambung sembahyang (البناء على الصلاة) apabila seseorang berhadats ketika sedang bersembahyang. Ia tidak boleh pergi berwudhu' dan kembali menyambung sembahyangnya setelah berhadats.
- (8) Sembahyang seseorang terbatal dengan berhadats, tidak kira sama ada ia berhadats di permulaannya, di tengahnya atau di penghujungnya, selagi ia belum memberi salam.

Selain Tirmidzi, hadits ini juga diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Abu Daud, 'Abdur Razzāq, Ahmad, Abu 'Awaanah di dalam Musnadnya dan Abu Nu'aim di dalam Mustakhrajnya.